

## SURAT PEKELILING ICT NO. 1/2013

**DARIPADA:** Setiausaha Kerajaan Negeri

**KEPADA:** Semua Setiausaha Tetap Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Residen dan Pegawai Daerah  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan  
Semua Badan Berkanun Negeri

**PERKARA: PENUKARAN KATA LALUAN (PASSWORD) EMEL RASMI  
KERAJAAN NEGERI SARAWAK**

**RUJ. KAMI:** JKM/ICTU/100-15.02 KLT.1(26 )

**TARIKH:** 28 Februari 2013

---

### **1. TUJUAN**

- 1.1. Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan bahawa semua penjawat awam Kerajaan Negeri yang mempunyai akaun emel rasmi beralamatkan id\_pengguna@sarawak.gov.my adalah **DIWAJIBKAN** menukarkan kata laluan (*password*) pada atau sebelum 31 Mac 2013.
- 1.2. Ini merupakan salah satu langkah dalam memastikan maklumat atau data yang dihantar menggunakan emel rasmi Kerajaan Negeri adalah selamat dan selaras dengan Dasar Keselamatan ICT Negeri.

### **2. PELAKSANAAN**

- 2.1. Semua penjawat awam akan menerima notifikasi penukaran kata laluan melalui emel masing-masing. Penukaran kata laluan mesti dibuat sebelum 31 Mac 2013. Garis panduan penukaran kata laluan dan pengemaskinian profil boleh dirujuk melalui pautan "*Email Support*" dalam portal SarawakNet.
- 2.2. Selepas tarikh tersebut, akaun emel akan dibekukan sekiranya pengguna tidak menukar kata laluan. Permohonan untuk mengaktifkan semula akaun emel mesti dibuat dengan mengisi borang yang boleh dimuat turun dalam sistem FIM (<http://fim.sarawak.gov.my>).
- 2.3. Di samping itu, semua penjawat dikehendaki untuk mengisi maklumat berikut dalam sistem FIM
  - a) Telefon Bimbit  
Untuk kegunaan penghantaran kata laluan baru melalui SMS sekiranya pengguna lupa kata laluan.

b) Telefon Pejabat

Untuk tujuan komunikasi rasmi di antara penjawat awam dalam proses penukaran kata laluan

c) Soalan Rahsia (*Secret Question*) dan Jawapan

Sebagai penentuan identiti sekiranya pengguna lupa ID Pengguna atau kata laluan

- 2.4. Maklumat ini adalah penting dalam usaha memberikan perkhidmatan sokongan yang berkesan dalam usaha ke arah kerajaan *mobile* yang mesra pengguna. Sebagai contoh, sekiranya seseorang penjawat lupa kata laluan, penjawat boleh melaporkan secara *online* dan kata laluan baru akan dihantar ke telefon bimbit yang didaftarkan dalam profil pengguna.

**3. TARIKH KUAT KUASA**

- 3.1. Surat Pekeliling ini berkuat kuasa dari tarikh ia dikeluarkan. Surat Pekeliling ini diedarkan secara dalam talian di Berita SarawakNet dan juga di Laman Pekeliling Kerajaan Negeri.

Sekian, harap maklum.

**"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"**

**"AN HONOUR TO SERVE"**



**(TAN SRI DATUK AMAR HAJI MOHAMAD MORSHIDI BIN ABDUL GHANI)**  
Setiausaha Kerajaan Sarawak